

Langkah-Langkah Pencegahan



Berus gigi sehingga bersih setiap hari meliputi leher gigi.



Leher gigi



Gunakan flos dengan betul untuk membersihkan celah-celah gigi.



Gunakan berus 'interdental' jika perlu (atas nasihat doktor).




Dapatkan pemeriksaan pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun.

Buat ini jika ada orang merokok:



Jauhi amalan merokok.

Kesihatan Periodontium



“Gusi umpama tiang serli, rosak gusi robohlah gigi.”



Gusi bengkak



Karies gigi



Kehilangan gigi



Bahagian Kesihatan Pergigian,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Arau 5, Blok 210, Kompleks C, Presint 1,
Pusat Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan,
62500 Putrajaya.

Tel : 603-89588816
Fax : 603-89588166
Email : info@kkm.gov.my
Website : info@kkm.gov.my
#KesihatanMalaysia #PerkhidmatanKesehatan
#MalaysiaMaju #KementerianKesihatanMalaysia

Penyakit Periodontium

Penyakit periodontium atau penyakit gusi merupakan punca utama kehilangan gigi di kalangan orang dewasa. Penyakit ini merupakan infeksi pada gusi, tulang alveolar dan lain-lain tisu penyokong gigi.

Penyakit ini juga berkait rapat dengan perubahan tahap hormon semasa remaja atau kehamilan, penyakit diabetes dan tablet merokok.

Tanpa rawatan, penyakit periodontium boleh menyebabkan kehilangan gigi. Rawatan awal boleh menjadikan gusi sihat semula.


Punca-punca Penyakit Periodontium

Penyebab utama penyakit periodontium ialah plak, iaitu suatu lapisan nipis yang melekat pada permukaan gigi. Jika tidak dibersihkan ia akan mengeras dan dipanggil karang gigi.

Plak mengandungi bakteria yang boleh menyebabkan penyakit periodontium dan karies gigi.



Karang gigi



Tanda-tanda dan Gejala-gejala Penyakit Periodontium



1 Gusi merah, bengkak dan mudah berdarah.

2 Mulut berbau.



3 Gigi menjadi longgar / Jarang / memanjang.

4 Periodontal abses / nanah terjadi di bahagian gusi.



5 Sakit dan tidak selesa semasa makan.

6 Kehilangan gigi.